

Jenis Akhbar : Buletin TV3
Tarikh : 04/03/2025
Edisi / Muka Surat : <https://www.buletintv3.my/>
Tajuk : ANGKASA santuni kakitangan Media Prima

ANGKASA santuni kakitangan Media Prima



Foto: ANGKASA / Facebook

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan (M) Bhd. (ANGKASA) melalui Program Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) CoopCare Rezeki Ramadan menyampaikan sumbangan sebanyak 500 pek kurma kepada para petugas media dari Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima), hari ini.

Sumbangan itu disampaikan oleh Presiden ANGKASA, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah, kepada wakil media dari Berita Harian, Harian Metro, New Straits Times, dan TV3.

Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah dalam ucapan beliau menekankan betapa pentingnya peranan media dalam memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap koperasi.

Beliau turut menghargai dedikasi petugas media yang sentiasa menyampaikan maklumat yang tepat, relevan, dan berkesan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan koperasi di Malaysia.



Turut hadir Pengerusi ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan, Sharifah Aminah Syed Mohssain, Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan, Berita & Hal Ehwal Semasa Kumpulan Media Prima, Farrah Naz Karim, dan Pengarang Kumpulan Berita dan Ehwal Semasa Rangkaian Televisyen Media Prima, Azhari Muhidin.

Majlis turut disertai Pengarang Kumpulan Berita Harian, Zulkifli Jalil, Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit, dan Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA, Halim Ibrahim.